

21 JUN 1998

Umno-Gulung (Najib)

PELAJAR MATRIKULASI DI IPTA DAN IPTS DIBERI BIASISWA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Semua pelajar matrikulasi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan yang mengikuti francais program matrikulasi di kolej swasta akan dibiayai oleh kerajaan, kata Naib Presiden Umno dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pembiayaan itu bagaimanapun tidak akan diberi kepada mereka daripada keluarga yang berpendapatan lebih RM80,000 setahun.

Katanya pelajar berkenaan akan dibiayai oleh MARA menerusi peruntukan dana tambahan sebanyak RM101 juta yang disediakan kerajaan baru-baru ini.

"Setiap pelajar matrikulasi itu akan dibiayai kerajaan sebagai biasiswa dan bukannya pinjaman, kecuali bagi mereka yang berpendapatan lebih daripada RM80,000 setahun," katanya semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari di sini.

Najib berkata francais program matrikulasi itu merupakan agenda bagi menampung tambahan 7,484 tempat yang tidak boleh disediakan oleh IPTA.

"Jika tiada program francais ini, hanya pelajar yang memperolehi agregat kurang daripada 15 sahaja yang akan ditawarkan mengikuti program matrikulasi. Dengan program francais ini mereka yang mempunyai agregat 27 pun ditawarkan," katanya.

Pencapaian memberangsangkan calon Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tahun lepas mencatat sejarah dengan pelajar yang mendapat pangkat pertama seramai 66,220 orang melebihi mereka yang mendapat pangkat kedua dan ketiga.

Mengenai penempatan pelajar SPM di IPT, Najib berkata daripada seramai 31,564 orang pelajar Bumiputera aliran Sains, seramai 22,314 pelajar berjaya ditempatkan ke program matrikulasi, diploma dan ijazah, yang merupakan 71 peratus daripada jumlah pelajar berbanding dengan hanya 61 peratus tahun lepas.

Katanya peratusan pelajar yang berjaya memasuki IPT meningkat ke 80 peratus jika mengambil kira pelajar yang berjaya memasuki Universiti Teknologi Petronas, Universiti Telekom, Universiti Tenaga dan Politeknik.

"Ini bererti hampir semua pelajar Bumiputera aliran Sains yang mendapat pangkat satu dan dua sudah ditempatkan di IPT. Sesungguhnya inilah agenda kita dan agenda Umno," katanya.

Beliau juga mengumumkan sebanyak 670 tempat bagi program matrikulasi akan diwujudkan di 10 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) untuk menampung sebahagian pelajar aliran Sains sekolah agama.

"Sesuai dengan perjuangan parti dan tuntutan bangsa, Kementerian Pendidikan tidak pernah memandang remeh kepada kemasukan pelajar-pelajar aliran agama Islam ke IPT (institusi pengajian tinggi)," katanya.

Najib berkata program matrikulasi di sekolah menengah agama yang pertama kali diadakan itu adalah sebahagian proses pengembangan dan pengambilalihan program matrikulasi oleh kementerian secara berperingkat-peringkat.

Beliau berkata empat buah pusat matrikulasi telah dirancang pembinaannya -- di Arau (Perlis), Kuala Pilah (Negeri Sembilan), Masjid Tanah (Melaka) dan Pongsu Seribu Seberang Perai (Pulau Pinang). Keempat-empat pusat itu mampu menampung 9,000 pelajar.

Najib berkata kerajaan juga menawarkan pinjaman kepada 9,091 orang pelajar ijazah pertama untuk tahun lepas dan 15,000 pada tahun ini, melibatkan peruntukan RM305 juta.

Mengenai saranan anggota Umno Kelantan supaya sebuah universiti

ditubuhkan di Kelantan, Najib berkata ia akan dilaksanakan dengan syarat Barisan Nasional (BN) dapat menubuhkan kerajaan di negeri itu pada pilihan raya akan datang.

"Ingin saya maklumkan, hasil perbincangan saya dengan Ketua Perhubungan Umno Kelantan (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), hasrat ini boleh dipenuhi... dan keputusan dari Ketua Perhubungan Umno Kelantan ialah dengan syarat, Barisan Nasional dapat menubuhkan kerajaan di Kelantan dalam pilihan raya akan datang," katanya.

-- BERNAMA

HS NMO